
Kompetensi Graduan Terhadap Kebolehpasaran dan Prestasi Kerja Berteraskan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL): Satu Kajian di Politeknik METrO Kuala Lumpur

Kohilah Miundy¹, Rizuan Bin Zainal², Sathya Manoharan³

^{1,2,3} Politeknik METrO Kuala Lumpur
E-mail: kohilah.miundy@gmail.com

Abstrak

Kajian Pengesanan Graduan Politeknik METrO Kuala Lumpur merupakan satu tinjauan kajian yang dijalankan pada setiap tahun bagi menganalisis status dalam kalangan graduan yang berjaya menguasai ke peringkat Diploma. Dalam kajian ini, graduan seramai 209 pelajar yang terlibat iaitu yang dengan jayanya menamatkan program pengajian pada sesi I 2022/2023 dan sesi II 2022/2023. Kajian ini menggunakan instrumen dalam bentuk soal selidik dan graduan akan menjawab secara atas talian. Hasil dapatan daripada graduan, dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSSv22) secara deskriptif untuk memperolehi skor min dan peratusan bagi setiap item kajian. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan PMKL sebanyak 93.3 peratus pada tahun 2022. Secara keseluruhan, graduan PMKL sebanyak 87 peratus iaitu 190 graduan telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan 5 peratus iaitu 10 graduan telah memilih untuk melanjutkan pelajaran. Manakala, 1 peratus yang mewakili 2 graduan masih menunggu penempatan pekerjaan dan 7 peratus graduan masih belum bekerja. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa 79.2 peratus graduan kebolehpasaran sepadan dengan program pengajian yang dilalui di PMKL. Justeru itu, dalam merealisasikan pendekatan pembelajaran berasaskan kerja (WBL) berjaya kolaborasi pada peringkat antarabangsa dengan menghantar seramai tujuh (7) pelajar PMKL ke Holiday Villa Hotel dan Residence Doha, Qatar selama dua puluh (20) minggu. Pelajar-pelajar tersebut telah menerima penilaian yang amat merangsangkan daripada industri tersebut terhadap prestasi kerja tujuh (7) pelajar tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek penilaian bekerja dalam kumpulan mempunyai min skor 4.85. Secara kesimpulannya, pendekatan WBL dapat menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan PMKL kerana ia mampu menyumbang kepada persediaan awal pelajar ke arah alam pekerjaan.

Kata kunci: Kebolehpasaran; Kompetensi; Graduan; Pembelajaran Berasaskan kerja; Prestasi Kerja
